



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

BORNEO DAYAK CULTURAL FESTIVAL 2025 ***RHYTHM OF BORNEO***

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara hari ini telah menyempurnakan *Borneo Dayak Cultural Festival 2025* di Dataran Tun Tuanku Bujang, Sibul, Sarawak. Bertemakan *Rhythm of Borneo*, festival ini unik dan istimewa dengan persembahan masyarakat pelbagai kaum di Sarawak.

Program yang masuk edisi ke-21 ini menampilkan maskot istimewa iaitu “Engkuli” atau nama saintifiknya *Noefelis Diardi – Clouded Leopard* atau Harimau Dahan. Maskot ini membawa simbolik kepada identiti biodiversiti Borneo serta kesedaran pemuliharaan haiwan hampir pupus.

Dalam ucapan perasmianya, YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata, “Kepelbagaian budaya, bahasa dan adat resam di Sarawak bukan sekadar warisan turun-temurun ia adalah permata sosial yang tidak ternilai, khazanah hidup yang terus menyinar dalam arus modenisasi.

Tambah beliau lagi, “Sarawak berdiri megah di mata dunia bukan hanya kerana kekayaan alamnya, tetapi kerana jati dirinya sebagai negeri yang meraikan kepelbagaian sebagai satu kekuatan bersama”.

Beliau turut mengumumkan bahawa KPN akan menerbitkan **Kalendar Perayaan Etnik Minoriti** menjelang Januari 2026 sebagai satu dokumen rujukan rasmi yang akan menghimpunkan tarikh-tarikh penting pelbagai perayaan dan upacara tradisi etnik minoriti di seluruh negara.

Kalendar ini akan mengandungi penerangan tentang maksud setiap perayaan, asal usul, dan amalan kebudayaan yang berkait dengannya

UNTUK SIARAN SEGERA

serta bakal diedarkan secara digital dan fizikal kepada semua kementerian, agensi kerajaan, sekolah, universiti dan pihak berkepentingan.

Majlis diserikan dengan persembahan pameran kebudayaan, persembahan nyanyian dan tarian, pertandingan ratu cantik Miss Borneo 2025 serta jualan usahawan tempatan.

Kementerian Perpaduan Negara

9 Julai 2025

KPN.100-9/1/16 (46)